



SINGAPORE – CAMBRIDGE  
General Certificate of Education Ordinary Level

---

**BAHASA MELAYU LANJUTAN**

**1117/1**

Kertas 1

**HIGHER MALAY**

**SPECIMEN PAPER**

Paper 1

*With effect from 2024 examination*

**2 hours**

Additional Materials: Main Answer Booklet

---

**ARAHAN UNTUK CALON**

1. Baca arahan yang diberikan bagi tiap-tiap bahagian dengan teliti dan jawab soalan seperti yang diarahkan.
2. Tulis jawapan kamu di dalam Buku Jawapan yang disediakan.
3. Kamus yang diluluskan boleh digunakan.
4. Kamu tidak dibenarkan membawa Buku Jawapan keluar.

---

Kertas soalan ini mengandungi 4 halaman bercetak.



Singapore Examinations and Assessment Board

**ARAHAN:** Jawab **dua** soalan; **satu** daripada **Bahagian A** dan **satu** lagi daripada **Bahagian B**.

**BAHAGIAN A**  
**(20 markah)**

**Arahan:** Tulis respons e-mel atau forum dengan menggunakan sekurang-kurangnya 140 patah perkataan berdasarkan **satu** daripada soalan-soalan yang berikut.

- 1 Sebagai sebahagian daripada usaha untuk mengurangkan penggunaan beg plastik, Jawatankuasa Penduduk Purnama telah memperkenalkan satu inisiatif. Penduduk akan dikenakan bayaran bagi beg plastik semasa berbelanja di kedai-kedai kejiranan. Meskipun para pekedai menyambut baik inisiatif tersebut, beberapa orang penduduk menentangnya.

Encik Taufik Hamid, wakil bagi sekumpulan penduduk yang tidak menyokong inisiatif tersebut, telah menulis e-mel kepada Jawatankuasa Penduduk Purnama untuk menyuarakan keprihatinan mereka. Antara keprihatinan yang ditekankan ialah penduduk yang tidak membawa beg guna semula pasti akan menghadapi kesulitan apabila hendak membuat pembelian yang tidak dirancang.

Selaku pengerusi Jawatankuasa Penduduk Purnama, balas e-mel tersebut untuk menerangkan sebab inisiatif tersebut diperlukan. Dalam e-mel kamu, kongsi langkah-langkah yang akan diambil oleh Jawatankuasa Penduduk Purnama untuk mengurangkan kesulitan yang mungkin akan dihadapi oleh para penduduk.

- 2 Beberapa orang warga siber telah menyuarakan keprihatinan terhadap perbuatan sesetengah orang yang meletakkan barang-barang di luar rumah mereka dan mengadang laluan melalui forum dalam talian.

Kebetulan, jiran kamu, orang yang sukar diajak berbincang, telah mengadang laluan di ruang awam. Dengan mengambil kira kesemua pandangan yang diketengahkan, kongsi cara kamu memperlakukan jiran kamu itu. Selain itu, sarankan cara-cara jiran tetangga boleh bekerjasama untuk menghentikan perbuatan yang tidak bertanggungjawab ini.

**Ayuh, kita wujudkan ruang awam yang kemas dan rapi!**

Lama Utama	Terkini	Aktiviti	Forum	Hubungi Kami
------------	---------	----------	-------	--------------

**[Ita Suriani] 06-11-2024 – 8:00 AM**

*Tulis respons kamu di dalam Buku Jawapan.*

**[Razi] 28-10-2024 – 5:30 PM**

Semasa melakukan projek kemasyarakatan, saya telah melawat ke sebuah rumah. Saya bertemu dengan lelaki tua yang menyimpan banyak kotak kadbod dan peralatan elektrik yang dipungut di luar flatnya. Saya menyuruhnya mengetepikan barang-barang itu tetapi dia tidak melakukannya. Nampaknya, saya harus melaporkan perbuatannya itu kepada pihak berkuasa.

**[Johan Ismail] 22-10-2024 – 8:45 PM**

Situasi saya pula berbeza. Saudara saya suka melonggokkan barang-barang di luar flatnya. Emak saya telah menyuruhnya mengetepikan barang-barang itu tetapi dia tidak mahu. Dia marah dan mengingatkan kami agar tidak mencampuri urusannya. Kalau ikutkan hati, sudah lama saya melaporkan perbuatannya itu. Namun, memandangkan dia saudara saya, saya membatalkan niat saya itu.

**[Salmah Ahmad] 22-10-2024 – 6:30 PM**

Jiran saya telah menghiasi lobi lif dengan perabot-perabot terpakai. Memanglah kawasan tersebut nampak indah tetapi perabot-perabot itu boleh mendatangkan bahaya. Situasi seperti ini benar-benar membimbangkan. Apakah yang patut saya lakukan?

(lihat halaman sebelah)

**BAHAGIAN B**  
**(60 markah)**

**Arahan:** Tulis karangan dengan menggunakan sekurang-kurangnya 380 patah perkataan tentang **satu** daripada tajuk-tajuk yang berikut.

- 3 Insan yang unggul sederhana dalam tutur katanya tetapi hebat dalam tindakannya. Tulis cerita berdasarkan pernyataan ini.
- 4 Bersempena dengan Minggu Bahasa Ibunda, pertandingan pidato akan diadakan. Kamu akan mengambil bahagian dalam pertandingan tersebut. Tulis teks pidato kamu yang bertajuk 'Peraturan tentang penggunaan telefon bimbit di tempat-tempat awam harus diperkenalkan.'
- 5 Rasa bangga terhadap negara sudah berakar umbi dalam diri warga Singapura. Berikan komen.

Selesai

---

*Copyright Acknowledgements:*

The Singapore Examinations and Assessment Board has made every effort to trace copyright holders, but if we have inadvertently overlooked any, we will be pleased to make the necessary arrangements at the first opportunity.